

# BN mungkin kenakan syarat: Mahathir

B. H. 27 OCT 1993

SUBANG, Selasa — Parti Bersatu Sabah (PBS) perlu membuktikan ia sudah berubah sikap dan pendirian serta memberi jaminan tidak mengulangi perbuatan lama jika berhasrat kembali ke pangkuan Barisan Nasional (BN), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, BN perlu mendapat jaminan sebelum menerima semula PBS yang meninggalkan komponen BN menjelang pilihan raya umum pada 1990.

Katanya, BN kemungkinan mengenakan syarat kemasukan semula PBS ke dalam gabungan itu bagi memastikan ia tidak keluar masuk sewenang-wenangnya dalam komponen berkenaan.

Beliau berkatanya demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di sini, hari ini, sekembalinya dari menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) ke-15 di Limassol, Cyprus.

Dr Mahathir menegaskan

kan, parti politik yang ingin menyertai BN mestilah berpegang kepada prinsip perjuangan BN.

"Kita tak boleh ada keadaan parti-parti boleh keluar masuk BN begitu sahaja, kalau tidak BN tidak bermakna," katanya.

Kelmarin, Naib Presiden PBS, Datuk Lajim Qkin, berkata kini tiba masanya bagi PBS kembali ke pangkuan BN bagi merapatkan kerjasama dan perhubungan di antara kerajaan negeri dan Persekutuan.

Lajim berkata, perubahan pucuk pimpinan Umno, terutama bagi jawatan Timbalan Presiden mendorong PBS untuk kembali kepada BN.

Sambil mengakui ini bukan kali pertama PBS menyatakan hasrat kembali semula ke pangkuan BN, Dr Mahathir berkata: "Kalau nak masuk BN, kena pegang kepada prinsip perjuangan BN selain jaminan tidak akan berlaku lagi apa yang berlaku dahulu."

Ditanya apakah perlu pimpinan PBS yang dite-

rajuai Ketua Menteri, Datuk Joseph Pairin Kitingan, ditukar barulah BN dapat menerima PBS, Dr Mahathir berkata, itu satu kemungkinan tetapi yang lebih penting jaminan mengenai perubahan sikap dan pendirian PBS sendiri.

Perdana Menteri juga tidak bersetuju dengan alasan PBS mengaitkan hasrat menyertai BN itu dengan perubahan pucuk pimpinan Umno, terutama bagi jawatan Timbalan Presiden.

"Itu alasan mereka. Tetapi kita ada alasan lain kenapa dia dikeluarkan daripada BN. Ini bukan kerana perubahan kepemimpinan, sebaliknya sikap PBS sendiri. Kalau mereka menyoal kepemimpinan Umno, Umno juga menyoal kepemimpinan mereka," katanya.

Menurutnya, BN masih ingat sikap PBS yang bertindak meninggalkan komponen menjelang pilihan raya umum 1990, menyebabkan BN tidak dapat bertanding banyak kawasan di Sabah.